





PERANGKAAAN GETAH BULANAN, JUN 2025

PENGELUARAN GETAH ASLI

↑ 5.9%



HARGA PURATA (sen/kg)



G.M.M 20
JUN 2025: 664.79
MEI 2025: 744.24



-10.7%



Lateks Pekat
JUN 2025: 558.66
MEI 2025: 613.80




-9.0%

PENGGUNAAN DOMESTIK

↑ -4.6%


JUN 2025: 19,312^P tan metrik
MEI 2025: 20,251 tan metrik



STOK

↓ -11.4%

JUN 2025: 164,189^P tan metrik
MEI 2025: 185,324 tan metrik




IMPORT

JUN 2025: 56,398^P tan metrik
MEI 2025: 60,869 tan metrik



-7.3%




EKSPORT

JUN 2025: 29,719^P tan metrik
MEI 2025: 35,939 Tan metrik




-17.3%



NEGARA UTAMA

Nota : ↑ ↓ perubahan bulan ke bulan : P = Data awalan : G.M.M. = Getah Mutu Malaysia

PERANGKAAAN UTAMA GETAH, MALAYSIA ('000 TAN METRIK)



Sumber: Perangkaan Getah Bulanan Jun 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 5.9 peratus pada Jun 2025

- Pengeluaran getah asli meningkat 5.9 peratus pada bulan Jun 2025 (25,679 tan metrik) berbanding pada bulan Mei 2025 (24,256 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 14.1 peratus (Jun 2024: 29,881 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Jun 2025 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (84.7%) berbanding sektor estet (15.3%).
- Jumlah stok getah asli pada Jun 2025 menurun 11.4 peratus kepada 164,189 tan metrik berbanding 185,324 tan metrik pada Mei 2025. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 85.2 peratus diikuti kilang pengguna getah (14.7%) dan estet getah (0.1%).
- Eksport getah asli Malaysia berjumlah 29,719 tan metrik pada Jun 2025, menurun 17.3 peratus berbanding Mei 2025 (35,939 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu menyumbang 33.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Jun 2025 diikuti Jerman (18.1%), Emiriah Arab Bersatu (9.6%), Amerika Syarikat (7.3%) dan India (3.8%).
- Harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 9.0 peratus (Jun 2025: 558.66 sen sekilogram; Mei 2025: 613.80 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun sebanyak 7.0 peratus (Jun 2025: 564.13 sen sekilogram; Mei 2025: 606.67 sen sekilogram).
- Prestasi suku kedua 2025 menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 28.6 peratus kepada 67,943 tan metrik berbanding 95,101 tan metrik pada suku pertama 2025. Prestasi pertumbuhan tahunan pengeluaran getah asli Malaysia pada suku kedua 2025 pula mencatatkan penurunan 11.5 peratus berbanding suku kedua 2024 (76,814 tan metrik).

